

'SAYA SENDIRI SEDAR JIKA GAGAL TAK LAGI TINGGAL DI

Siapa yang kalah tanggung risiko-

SRI PERDANA'

Renungan

BARANG siapa menghendaki selain Islam sebagai agama, maka tidaklah akan diterima daripadanya dan dia di akhirat termasuk golongan yang rugi. — Maksud Al-Quran/Ali Imran 85.

Dr.M

KUALA LUMPUR 26 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, sesiapa sahaja yang kalah terpaksa menanggung akibat yang datang bersama kekalahannya.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri membayangkan kemungkinan beliau menggugurkan menteri-menteri yang melanggar sumpah menyimpan rahsia kabinet dan perlunya semua mematuhi prinsip tanggungjawab bersama terhadap segala keputusan kabinet. Berucap di penutup Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini, beliau berkata semua yang bertanding sudah pasti tahu

risiko mereka bertanding dan mereka sendiri telah menyatakan pendirian ini. "Kita mesti sedar jika menang kita dapat sesuatu dan jika tidak menang, kita tidak dapat," kata beliau yang jelas membayangkan kemungkinan tokoh-tokoh yang kalah tidak akan mendapat tempat dalam susunan kabinet baru yang bakal dibentuknya.

Presiden UMNO menjelaskan: Saya sendiri sedar dan terima bahawa jika saya gagal (menjadi presiden) mustahil saya dapat tinggal di Sri Perdana dan menjadi Perdana Menteri.

"Apa gunanya kita bertanding jika kita menang, kita serahkan hasil kemenangan kita kepada orang lain."

LIHAT MUKA 6

UM 2 SIAPA YANG KALAH TANGGUNG RISIKO

Dalam kempen menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO, beberapa orang menteri yang bergu dengan Razaleigh-Musa telah mengkritik dasar - dasar kerajaan yang diputuskan secara bersama oleh mereka sebagai anggota kabinet dan keputusan - keputusan kabinet didedahkan kepada ramai. Ditanya dalam sidang akhbar kemudian adakah kenyataan itu bermakna menteri - menteri berkenaan akan digugurkan, beliau menjawab: "Terpulanglah kepada anda untuk mentafsirkan sendiri." Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan, kenyataannya bahawa mereka yang kalah terpaksa menghadapi risiko bukan soal iri hati atau tidak, tetapi berdasarkan prinsip. Katanya, soal setia atau tidak kepadanya sebagai Perdana Menteri tidak timbul dalam perantaraan kabinet tetapi kerajaan mempunyai pendirian tertentu untuk menjamin ia dapat berjalan dengan berkesan. "Saya tidak mahu orang yang setia kepada saya. Saya tidak memilih kabinet

daripada kalangan yang setia kepada saya tetapi faktor - faktor lain." Di antara syarat yang dikenakan ialah sebelum memegang jawatan, mereka cuma dikehendaki bersumpah menyimpan rahsia dan tidak perlu menyebut mesti setia kepada Perdana Menteri. Beliau lalu membaca sepenuhnya dua sumpah atau ikrar kabinet yang di antara lain mesti taat setia dan tidak membocorkan rahsia kepada sesiapa dan sumpah kedua ialah sanggup menerima tanggungjawab itu dengan jujur dan segala daya - upaya. Oleh demikian, beliau menarik perhatian bahawa anggota kabinet mesti setuju bertanggungjawab secara kolektif, tidak boleh dipisahkan dan mereka boleh bekerjasama antara satu sama lain. "Saya jelaskan ini supaya tidak ada kekeliruan apabila saya membuat perantaraan kabinet kelak." Perdana Menteri juga menjawab teguran perwakilan dari Nilam Puri, Anuar Musa, yang mengingatkan jika mengasihikan seseorang itu sekasih - kasihnya kerana

satu hari akan benci dan jangan membenci seseorang itu sebenci - bencinya kerana satu hari akan kasih pula. Jawapan Datuk Sri Dr. Mahathir memetik madah Mark Anthony apabila ia membunuh Caesar dalam buku Shakespeare iaitu: "Segala keburukan yang manusia buatkan kekal dalam ingatan manusia, segala kebaikan akan ditanam bersama tulang - tulangnya." Untuk menjawab teguran Dato' Harun Idris pula dalam perbahasannya semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir membawa cerita dongeng Aesops yang mengisahkan bagaimana seorang raja Rome mempunyai hobi meletakkan orang Kristian dalam kandang singa untuk menyaksikan mereka berlawan. Satu hari seorang Kristian ditempatkan dalam kandang itu tetapi anehnya singa itu datang kepadanya dengan perlahan - lahan tetapi melepaskannya begitu sahaja dan tidak membahamnya. "Rupa - rupanya sang singa itu pernah dijumpainya dalam hutan sedang mengaum dalam kesakitan

kerana ada duri dalam kakinya. Singa itu apabila tertangkap membalas jasanya kerana membebaskannya dari seksaan." "Malangnya itu adalah cerita dongeng. Jadi jaga - jagalah kalau nak cabut duri daripada sesiapa," kata beliau.

Ini jelas satu lemparan terhadap Dato' Harun yang kini menentanginya sungguhpun beliau telah berjaya memohon perkenan diraja agar Dato' Harun mendapat pengampunan diraja daripada segala tuduhan yang menyebabkannya merengkok di penjara. Mengenai pemilihan calon - calon dalam pilihanraya, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan beliau tidak mengeneipkan sesiapa dan pemilihan dibuat berdasarkan cadangan daripada pengerusi - pengerusi Perhubungan UMNO negeri. Katanya, adalah mustahil beliau mengenali semua pemimpin di bahagian dan oleh itu terpulanglah kepada bahagian untuk menghantar senarai calon kepada pengerusi perhubungan negeri.